

Penjawat awam ingkar PKP bakal dikenakan tindakan - KSN

Share Tweet

MyMetro > Mutakhir



Kuala Lumpur: Bersedialah untuk menerima tindakan dan dikenakan hukuman. Itulah peringatan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali kepada 1.6 juta penjawat awam sekiranya mereka melanggar prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan kerajaan ketika ini.

Beliau berkata, tindakan undang-undang diputuskan kerajaan tidak akan terkecuali kepada mereka yang melanggar arahan pematuhan ditetapkan itu, termasuk penjawat awam sendiri.

"Sama sahaja. Sekiranya mereka melanggar prosedur (PKP) mereka akan tetap dikenakan hukuman. Jadi peringatan kepada penjawat awam, sekiranya mereka ini tidak bersedia untuk dikenakan tindakan, hendaklah mematuhi SOP yang diputuskan dalam PKP," katanya.

Bercakap kepada Bernama dalam satu temu bual eksklusif di pejabatnya di Putrajaya baru-baru ini, Mohd Zuki menegaskan, setiap keputusan diambil dan dilaksanakan kerajaan itu adalah untuk memutuskan rantaian penularan pandemik Covid-19 yang kini semakin meningkat setiap hari.

Sebelum ini dilaporkan Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) Adnan Mat berkata, penjawat awam dan pesara kerajaan yang dikenakan tindakan undang-undang kerana mengingkari PKP bakal berdepan kemungkinan kehilangan segala keistimewaan dinikmati selama ini.

Menurut beliau, tidak ada mana-mana individu boleh terlepas daripada tindakan undang-undang, walaupun sedang berkhidmat atau bersara daripada perkhidmatan.

PKP dikuatkuasakan di Pulau Pinang, Selangor, Melaka, Johor, Sabah, Kelantan serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sehingga 26 Januari ini.

Bagaimanapun di Sarawak, pelaksanaan PKP bermula 16 hingga 29 Januari membabitkan tiga daerah di Bahagian Sibul iaitu daerah Sibul, Selangau dan Kanowit.

• [Lagi berita berkaitan perintah kawalan pergerakan](#)

Artikel ini disiarkan pada : Isnin, 18 January 2021 @ 2:16 PM



Info Grafik



Mutakhir

- **Memperdalam sungai Kuala Abai elak banjir lagi**
- **Chelsea tak sasar juara liga - Lampard**
- **Tiga hingga 4 orang terjebak**
- **Baca jampi ubati juta**
- **Toyota Capital perkenal Kinto One konsep Islamik**
- **Perluas Ladang Rakyat Kenaf**
- **Harimau Malaya tak teruk**
- **73 koperasi terjejas**
- **Berhubung melalui air mata**
- **Buat ketetapan akses kandungan**
- **Aubameyang kembali berbisa**

■ Lagi Berita

